

Jangan lupa jasa pahlawan negara

UTUSAN MALAYSIA

2/8/2017 p. 10.



**NOOR MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

PENGUMUMAN enam inisiatif oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai menghargai jasa dan pengorbanan para veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada negara sudah pastinya menggembarakan golongan tersebut.

Antara inisiatif itu adalah Bantuan Bakti Negara (BBN), penambahbaikan Skim Perkhidmatan ATM yang dinamakan Skim Anuiti Veteran (SAVe), tambahan kuota haji kepada 400 orang serta suntikan dana sebanyak RM5 juta untuk Tabung Pahlawan 2017.

Hakikatnya, kemerdekaan dan kebebasan yang kita nikmati selama ini adalah hasil pengorbanan besar pahlawan dan perajurit negara yang sanggup melakukan apa saja demi mempertahankan keamanan dan kedaulatan tanah air tercinta ini.

Mana mungkin rakyat Malaysia merasai detik bersejarah mencapai kebebasan daripada penjajah seandainya tiada peranan penting oleh para perajurit dan pahlawan negara yang sentiasa kemas terpaht dalam lipatan negara ini.

Justeru bagi memperingati segala jasa, sumbangan dan pengorbanan perwira negara, kerajaan telah menetapkan Hari Pahlawan Negara disambut pada setiap 31 Julai bermula tahun 1960. Secara umumnya sambutan Hari Pahlawan bertujuan untuk memperingati jasa perajurit yang gugur dalam mempertahankan keamanan serta kedaulatan tanah air tercinta.

Pada tanggal 31 Julai 1960 Perdana Menteri pertama Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah mengisytiharkan tarikh tersebut sebagai Hari Pahlawan sempena tamatnya era darurat. Perisytiharan adalah sebagai memperingati jasa pasukan keselamatan negara yang terdiri dari daripada polis serta tentera.

Sambutan Hari Pahlawan juga boleh diterjemahkan sebagai hari yang memberi ruang serta pelu-



MANA mungkin rakyat Malaysia merasai detik bersejarah mencapai kebebasan daripada penjajah seandainya tiada peranan penting oleh para perajurit dan pahlawan negara yang sentiasa kemas terpaht dalam lipatan negara ini. - BERNAMA

ang kepada seluruh rakyat negara ini terutamanya generasi pasca merdeka untuk mengimbuai kembali detik hitam bumi tercinta ini dijajah oleh pihak luar di samping menghargai perjuangan para pahlawan negara terdahulu mahupun hari ini dalam mempertahankan kedaulatan serta keamanan negara.

Cuma persoalannya adakah Hari Pahlawan ini sekadar sambutan istiadat semata-mata dan dalam masa sama berapa ramai anak muda generasi sekarang mengambil tahu tentang adanya sambutan ini serta menghargai sumbangan para pahlawan negara?

Ironinya tahap sensitiviti dan kepedulian golongan muda terhadap sambutan Hari Pahlawan boleh dikatakan masih rendah dan mengecewakan. Buktinya, pembabitan orang muda dalam menayakan dan meraikan sambutan Hari Pahlawan tidak menonjol.

Saban tahun hanya pasukan keselamatan serta barisan veteran anggota keselamatan yang bersungguh-sungguh menayakan sambutan Hari Pahlawan manakala generasi yang lahir selepas penjajahan seolah-olah langsung tidak mepedulikannya.

Ini ditambah pula sumbangan orang awam mahupun sektor

korporat kepada tabung pahlawan juga dilaporkan agak kurang memberangsangkan.

Jelas mood dan semangat yang diharapkan membara melalui sambutan Hari Pahlawan ini belum mencapai tahap kemuncak yang diidamkan. Apa yang pasti situasi ini cukup menyedihkan. Kita tidak mahu generasi muda melupakan segala jasa dan pengorbanan wira negara sama ada dahulu mahupun sekarang.

Sehubungan itu masyarakat seharusnya lebih prihatin iaitu dengan menghargai jasa wira negara kerana tanpa mereka kita tidak akan terus kekal selamat dan aman seperti sekarang. Walaupun negara berhadapan dengan pelbagai cabaran dan dugaan sejak dijajah hingga sekarang namun keamanan yang dikecapi jauh lebih baik dan stabil berbanding negara luar.

Dari zaman komunis, Jepun, British hinggalah ke ancaman kumpulan militan seperti Daesh sekarang, pasukan keselamatan negara terus menjalankan tugas mereka dengan penuh bertanggungjawab agar rakyat dan negara ini sentiasa kekal selamat, aman dan stabil. Untuk itu sebagai rakyat Malaysia sewajarnya kita menzahirkan rasa syukur kepada Allah SWT dan terima kasih

kepada para pahlawan negara.

Oleh itu adalah amat diharapkan usaha ini tidak terhenti seketat menyambut Hari Pahlawan semata-mata sebaliknya penghayatan terhadap pengorbanan dan jasa pahlawan ini perlu dirasai sepanjang masa. Melalui cara ini sahaja generasi hari ini akan menghargai keamanan, kebebasan dan kestabilan yang sedang dinikmati sekarang.

Mahu tidak mahu usaha dan inisiatif untuk menyedarkan golongan muda tentang keperluan menghayati sejarah perjuangan perajurit negara perlu terus dipergiatkan melalui pelbagai kaedah dan pendekatan.

Antaranya setiap program hendaklah melibatkan pelbagai peringkat golongan masyarakat seperti pelajar sekolah, mahasiswa serta golongan dewasa generasi pasca merdeka yang tidak pernah merasai detik hitam negara ini dijajah oleh kuasa asing.

Di samping memberi penekanan yang sewajarnya terhadap pengajaran subjek sejarah baik di peringkat sekolah mahupun universiti, guru-guru juga perlu lebih kreatif agar penerokaan dan penceritaan kisah silam tentang sejarah negara ini boleh diterima serta dihayati dengan baik tanpa membosankan.

Hal ini penting kerana rata-rata pelajar sekolah akan berasa bosan jika pembelajaran dan pengajaran hanya sekadar baca melalui buku teks. Selain itu, penceritaan dalam drama dan filem juga boleh menarik minat serta mewujudkan tahap kesedaran dalam kalangan generasi muda antaranya seperti filem Bukit Kepong dan Leftenan Adnan.

Bagi penulis langkah menghasilkan drama dan filem patriotik ini wajar diperhebatkan lagi dan sokongan terhadap usaha itu perlu diberikan. Apa pun ucapan terima kasih diucapkan kepada kerajaan atas pengumuman beberapa inisiatif baru demi menjaga kebajikan para pejuang di seluruh negara.

NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

ialah Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia.